

Set 4

1. Adalah penting bagi industri Unit Amanah dikawal selia untuk melindungi kepentingan pelaburan pelanggan. Manakah antara berikut BUKAN pihak berkuasa yang terlibat dalam pengawalseliaan SUA?

- A. Kementerian Kewangan C. Institut Bank-Bank Malaysia
B. Bank Negara Malaysia D. Suruhanjaya Sekuriti

Jawapan C

2. _____ adalah bayaran jualan atau yuran masukan yang dikenakan oleh SPUA semasa pembelian awal SUA. Bayaran tersebut kadangkala dikenali sebagai bayaran muka, bayaran hadapan, bayaran jualan atau bayaran masukan. Bayaran ini boleh dinyatakan sama ada sebagai amaun tetap atau dikira sebagai peratusan daripada NAB seunit

- A. Bayaran Muka Awal C. Bayaran Perkhidmatan Awal
B. Bayaran Jualan Awal D. Bayaran Kadar Faedah Awal

Jawapan C

3. Secara umumnya dana pendapatan tetap dikatakan mempunyai risiko lebih rendah berbanding dana ekuiti. Oleh itu, apakah yang dapat dijangka daripada pulangan dana ini?

- A. Biasanya lebih tinggi daripada dana ekuiti
B. Biasanya lebih rendah daripada dana ekuiti
C. Secara konsisten lebih tinggi daripada dana ekuiti
D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan B

Sekuriti pendapatan tetap biasanya lebih selamat, terutamanya jika dipegang sehingga tempoh matang. Oleh yang demikian jangkaan pulangan yang ditawarkan oleh SUA pendapatan tetap adalah lebih rendah daripada SUA ekuiti dalam tempoh jangka masa panjang.

4. Apakah nama badan yang mengawal selia SUA di Malaysia?

- A. Bank Negara Malaysia C. PPUAM
B. Suruhanjaya Syarikat Malaysia D. Suruhanjaya Sekuriti

Jawapan D

Pengawalseliaan industri Unit Amanah telah diamanahkan kepada SS di bawah akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993 seperti yang dipinda.

5. Apakah bentuk pelaburan yang banyak boleh didapat dalam dana pertumbuhan agresif?

- A. Pelaburan dalam produk insurans nyawa modal terjamin
B. Tunai
C. Pelaburan dalam harta tanah dengan pendapatan secara tetap
D. Saham dalam syarikat teknologi yang baru disenaraikan di bursa saham

Jawapan D

SUA pertumbuhan agresif melabur dalam saham mewah (syarikat besar dan bermodal besar yang sahamnya disenaraikan di bursa saham)

6. Sekiranya NAB suatu dana adalah RM1.00, pengurus tabung telah mengisyiharkan pengagihan sebanyak RM0.12, berapakah yang pelabur akan terima sekiranya beliau menjual balik 10,000 unit selepas pengagihan?

- A. RM10,500.00 C. RM 9,800.00
B. RM8,800.00 D. RM10,800.00

Jawapan B

NAB / unit selepas agihan = RM 1.00 – RM 0.12 = RM 0.88

$$\begin{aligned} \text{Jumlah penjualan balik} &= \text{bilangan unit} \times \text{NAB / unit selepas agihan} \\ &= 10,000 \times \text{RM } 0.88 \\ &= \text{RM } 8,800.00 \end{aligned}$$

7. Andaikan kadar pulangan pelaburan adalah 10%, kadar cukai adalah 20% dan kadar inflasi adalah 5%, apakah kadar pulangan efektif?

- A. 5%
- B. 4%

- C. 3%
- D. 2%

Jawapan C

Pulangan selepas cukai

$$= \text{Pulangan pelaburan} - (\text{Pulangan pelaburan} \times \text{kadar cukai})$$

$$= 10\% - (10\% \times 20\%)$$

$$= 10\% - 2\%$$

$$= 8\%$$

Kadar pulangan efektif

$$= \text{Pulangan selepas cukai} - \text{kadar inflasi}$$

$$= 8\% - 5\%$$

$$= 3\%$$

8. Cara terbaik untuk membantu pelabur memahami prospektus harus dimulakan dengan:

- A. Ahli Jawatankuasa pelaburan
- B. Yuran & Bayaran
- C. Seksyen Data Utama
- D. Profil Ahli Lembaga Pengarah dan Kakitangan utama Pengurusan

Jawapan C

Seksyen ini menyediakan ringkasan eksekutif prospektus. Ia membolehkan pelabur dan PEUA membuat perbandingan antara pelbagai SUA yang diterbitkan oleh SPUA.

9. Objektif utama akta-akta yang mengawalselia industri unit amanah adalah untuk melindungi kepentingan:

- A. Pemegang unit
- B. SPUA
- C. Pemegang Amanah
- D. Suruhanjaya Sekuriti

Jawapan A

Objektif utama pengawalseliaan industri unit amanah haruslah untuk melindungi kepentingan bakal-bakal pelabur dan pemegang-pemegang unit yang sedia ada.

10. SUA indeks:

- A. Melabur terutamanya dalam semua sekuriti atau contoh sekuriti yang disenaraikan dalam indeks pasaran terpilih.
- B. Melabur terutamanya dalam pasaran saham antarabangsa
- C. Melabur dalam harta tanah, selalunya harta komersil yang utama.
- D. Melabur dalam pelbagai syarikat yang hampir setanding dengan syarikat yang tersenarai dalam indeks yang tertentu.

Jawapan D

11. Secara umumnya, kategori unit amanah berikut yang manakah akan mengalami penurunan yang terbanyak apabila keseluruhan pasaran saham menurun?

- A. Amanah Pelaburan Harta Tanah
- B. SUA Pendapatan Tetap
- C. SUA Ekuiti
- D. SUA Pasaran Wang

Jawapan C

Profil risiko SUA ekuiti adalah agresif jika dibandingkan dengan SUA harta tanah, pendapatan tetap dan pasaran wang. Oleh itu jika keseluruhan pasaran saham menurun, SUA ekuiti akan menerima kesan penurunan yang paling banyak.

12. Umumnya prospektus sesuatu unit amanah mestilah dikemaskini sekurang-kurangnya setiap

- A. 2 tahun
- B. 6 bulan
- C. 1 bulan
- D. 1 tahun

Jawapan D

Prospektus SUA ialah dokumen yang amat penting. Ia mesti dikemaskinikan sekurang-kurangnya sekali setiap 12 bulan.

13. Margin maksimum bagi meminjam untuk melabur dalam unit amanah ditetapkan pada:

- A. 85% B. 67% C. 50% D. 79%

Jawapan B

14. En. X hendak melabur RM 200,000.00 dalam unit amanah. Apakah amaun maksimum yang beliau boleh perolehi dari institusi kewangan bagi tujuan pelaburan tersebut?

- A. RM134,000.00 C. RM120,000.00
B. RM66,000.00 D. RM80,000.00

Jawapan A

Penilaian maksimum pinjaman $= 67\% \times \text{RM}200,000.00$
= RM 134,000.00

15. Manakah pihak yang terlibat dalam industri unit amanah?

- I. SPUA C. I, II dan IV
II. Pemegang Amanah D. Semua di atas
III. Pengurus Pelaburan
IV. Pemegang unit
- A. I dan II C. I, II dan IV
B. I, II dan III D. Semua di atas

Jawapan D

Semua di atas terlibat dalam industri unit amanah. Walau bagaimanapun, pengurus pelaburan bukan pihak yang termasuk dalam surat ikatan.

16. Apakah keperluan-keperluan utama Pemegang Amanah?

- I. Mestilah syarikat amanah yang berdaftar di bawah Akta Syarikat Amanah, 1949
II. Mestilah bebas daripada SPUA dan SUA
III. Mestilah berdaftar dengan SS
IV. Bertindak selaku penjaga, dengan memegang semua aset milik SUA

- A. I dan II C. IV sahaja
B. III sahaja D. Semua di atas

Jawapan D

17. Andaikan pelabur melabur secara sekali gus sebanyak RM 25,000.00. Dua tahun kemudian jumlah pulangan adalah RM 27,300.00. Kira kadar pulangan terkompaun setahun bagi pelaburan ini.

- A. 5.5% B. 4.5% C. 6.5% D. 7.5%

Jawapan B

Nilai semasa (PV) = RM 25,000.00, bilangan tahun (n) = 2, Nilai masa depan (FV) = RM 27,300.00

Kirakan kadar terkompaun setahun:

$$\begin{aligned} FV &= PV (1 + i)^2 \\ RM 27,300 &= RM 25,000 (1 + i)^2 \\ 1.045 &= (1 + i)^2 \\ 1.045 &= 1 + i \\ 0.045 &= i \\ 4.5\% &= i \end{aligned}$$

18. Susun kategori dana-dana berikut mengikut aturan dari yang mempunyai risiko tertinggi ke risiko terendah.

- I. Dana Pasaran Wang
II. Dana Imbang
III. Dana Bon
IV. Dana Ekuiti

- A. I, II, III dan IV
B. IV, III, II dan I
C. IV, II, III dan I
D. IV, I, III dan II

Jawapan C

19. Manakah antara berikut merupakan sebahagian daripada prospektus?

- I. Objektif Pelaburan
- II. Pelaburan yang dibenarkan
- III. Yuran & Bayaran
- IV. Perbelanjaan Amanah

A. I, II, III
B. IV sahaja

C. I dan III
D. Semua di atas



Jawapan D

20. Pada umumnya, apakah yang akan diterima oleh pelabur selepas melabur dalam SUA?

- I. Pengesahan bahawa jumlah permohonan pelabur telah diterima.
- II. Pengesahan bilangan unit yang diperolehi dalam SUA, dan NAB unit pada tarikh peruntukan unit.
- III. Pengesahan kadar bayaran perkhidmatan awal yang dikenakan dalam bentuk peratusan dan jumlah bayaran serta jumlah bersih pelaburan setelah ditolak bayaran perkhidmatan
- IV. Pengesahan kadar yuran keluar yang dikenakan dalam bentuk peratusan dan jumlah bayaran serta jumlah bayaran untuk penjualan balik
- V. Sijil untuk unit yang dikeluarkan

A. I, II, dan III
B. I sahaja

C. I, II, III, dan V
D. I, II, III, dan IV



21. Di manakah wadah yang sesuai bagi membolehkan SPUA berbincang tentang isu yang berkaitan dengan industri unit amanah?

- A. Kementerian Kewangan
- B. Institut Bank-Bank Malaysia
- C. Suruhanjaya Sekuriti


D. PPUAM

Jawapan D

22. Bilakah RHB Unit Trust Management Berhad melancarkan Dana Bon Islam yang pertama?

A. 2000 B. 2001

C. 2002 D. 2004



Jawapan A

23. Manakah antara berikut merupakan risiko meminjam untuk melabur dalam SUA?

- I. Turun naik kadar faedah
- II. Gagal membayar balik pinjaman
- III. Bayaran pinjaman pramatang
- IV. Panggilan margin

A. 1 dan II C. II dan III
B. I dan III D. Semua di atas

Jawapan D

24. Manakah antara berikut BUKAN merupakan sebahagian daripada Kod Etika?

- I. Urus niaga yang adil
- II. Kecekapan
- III. Penggunaan kad kuasa
- IV. Bertindak dengan berhemat, cekap dan tekun
- V. Pematuhan undang-undang

A. III dan V C. III sahaja
B. I, II, IV D. Tiada di atas



Jawapan A

III dan V adalah sebahagian daripada piawaian peri laku profesional

25. Purata Kos Dolar adalah:

- A. Suatu strategi di mana para pelabur membeli lebih unit apabila harga naik
- B. Suatu strategi di mana para pelabur membeli kurang unit apabila harga turun
- C. Suatu pelaburan yang sistematik dan konsisten bagi sejumlah wang yang tetap
- D. Suatu strategi pelabur untuk melabur semua modal mereka sekaligus berbanding simpanan secara tetap

Jawapan C

Purata Kos Dolar ialah suatu pelaburan yang sistematik dan konsisten bagi sejumlah wang yang tetap, tanpa mengambil kira tahap harga pelaburan tersebut sewaktu pelaburan itu dibuat. Ini boleh mengurangkan purata kos tersebut sehingga di bawah paras purata harga sepanjang tempoh pelaburan.

26. Apakah skim unit amanah?

- A. Suatu bentuk pelaburan kolektif yang membenarkan pelabur yang mempunyai objektif pelaburan yang sama untuk mengumpulkan simpanan mereka
- B. Suatu portfolio pelaburan yang mengandungi satu jenis aset sahaja
- C. Suatu bentuk pelaburan kolektif di mana pemegang unit merupakan pemegang saham sesebuah syarikat di mana wang mereka telah dilaburkan
- D. Suatu portfolio pelaburan di mana para pelabur dalam SUA tertentu akan membeli sekuriti portfolio secara langsung

Jawapan A

Simpanan yang telah dikumpulkan akan dilaburkan ke dalam suatu portfolio sekuriti atau aset dan akan diuruskan oleh pengurus tabung.

27. Bagi tahun kewangan berakhir 30 Dis 200X, penyata kewangan Dana ABC menunjukkan perbelanjaan yang ditanggung adalah seperti

berikut:

Yuran Pengurusan - RM1, 340,999
Yuran Pemegang Amanah - RM 730, 173
Yuran Juruaudit - RM 172, 641
Bayaran Bank & perbelanjaan lain - RM 361, 594

Saiz purata tabung bagi Dana ABC pada tahun itu ialah RM 250, 492, 853. Kira NPP tabung tersebut bagi tahun berakhir 30 Dis 200X.

- A. 1.07%
- B. 1.03%
- C. 1.08%
- D. 1.04%

Jawapan D

$$\begin{aligned} \text{NPP} &= \frac{(\text{yuran} + \text{perbelanjaan yang dituntut balik}) \times 100}{\text{Saiz purata tabung}} \\ &= \frac{\text{RM } 2,605,407 \times 100}{250,492,853} \\ &= 1.04\% \end{aligned}$$

28. Apakah yang dapat digambarkan bagi NPP yang semakin menurun sepanjang tempoh beberapa tahun?

- A. SPUA tidak menguruskan kos operasinya dengan cekap
- B. SPUA menguruskan kos operasinya dengan cekap untuk saiz tabungnya
- C. Bahawa semua SUA yang baru dilancarkan mempunyai NPP
- D. SPUA menguruskan kos operasinya dengan cekap

Jawapan B

Saiz dana ialah faktor yang penting bagi NPP. SUA yang mempunyai saiz dana yang lebih besar secara umumnya sepatutnya mempunyai NPP yang lebih rendah daripada SUA yang mempunyai saiz dana yang lebih kecil.

29. Bagaimanakah pelabur dapat mengatasi kesan inflasi?

- A. Dengan mengurangkan kadar cukai
- B. Pelabur perlu mengekalkan kuasa membeli pelaburan asal mereka
- C. Berharap supaya memperolehi pulangan yang lebih rendah daripada kadar inflasi

D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan B

Demi mengatasi kesan inflasi, pelabur perlu mengekalkan kuasa membeli pelaburan asal dan memperolehi kadar pulangan yang melebihi kadar inflasi. Dalam tempoh inflasi yang tinggi, kuasa membeli aset kewangan akan berkurang.

30. Apakah terma yang digunakan sekiranya Puan Z ingin melabur semula agihan yang diperolehi oleh beliau dalam SUA?

- A. Pelaburan Semula Pendapatan
- B. Membeli Pengagihan

- C. Penggantungan
- D. Penyamaan Pengagihan

Jawapan A

31. Berapakah laporan yang perlu diterbitkan semasa tempoh pemegangan unit dalam SUA?

- A. Sekurang-kurangnya 1 laporan
- B. Sekurang-kurangnya 2 laporan
- C. Sekurang-kurangnya 3 laporan
- D. Sekurang-kurangnya 4 laporan

Jawapan B

Sekurang-kurangnya 2 laporan, iaitu laporan tahunan dan laporan interim.

Soalan 32 & 33 adalah berkaitan

Pelaburan Awal = RM80,000.00

Kadar Pulangan = 10%

Yuran pengurusan berterusan = 1.5%

Bayaran Pekhidmatan Awal = 5%

32. Berapakah pulangan pelaburan selepas 3 tahun? (Guna 4 titik perpuluhan bagi pengiraan)

- A. RM97074.80
- B. RM97,318.10

- C. RM106,480.00
- D. RM101,156.00

Jawapan B

$$\begin{aligned}
 \text{Pelaburan awal} &= \text{RM } 80,000 \\
 \text{Wang 'kerja'} &= \text{RM } 80,000 / (1+5\%) \\
 &= \text{RM } 76190.4762 \\
 \text{Nilai selepas 3 tahun} &= \text{wang kerja } x (1 + i)^n \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1 + [10\% - 1.5\%])^3 \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1 + 0.085)^3 \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1.085)^3 \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1.2773) \\
 &= \text{RM } 97318.10
 \end{aligned}$$

33. Andaikan yuran pengurusan berterusan adalah 1% berbanding 1.5% sebelum ini, apakah nilai pelaburan selepas 3 tahun? (Guna 4 titik perpuluhan bagi pengiraan)

- A. RM98,666.67

- B. RM98,420.00

- C. RM90,516.00

- D. RM95,280.00

Jawapan A

$$\begin{aligned}
 \text{Nilai selepas 3 tahun} &= \text{wang kerja } x (1 + i)^n \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1 + [10\% - 1\%])^3 \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times (1.09)^3 \\
 &= \text{RM } 76,190.4762 \times 1.2950 \\
 &= \text{RM } 98,666.67
 \end{aligned}$$

34. Manakah antara kenyataan berikut TIDAK benar mengenai struktur agensi?

- A. Struktur yang dipiawaikan merangkumi Pengurus Kumpulan Agensi, Pengurus Agensi, Penyelia Agensi dan Ejen
- B. Mesti melebihi empat peringkat
- C. Saiz unit mestilah tidak melebihi 50 orang pada setiap masa
- D. Ejen tidak dibenarkan merekrut ejen yang baru

Jawapan B

Struktur tidak boleh melebihi 4 peringkat. Suruhanjaya Sekuriti menggalakkan SPUA untuk mempunyai agensi yang lebih sedikit

peringkatnya supaya penyeliaan yang lebih baik dapat dilaksanakan kepada setiap ejen.

35. Apakah elemen paling penting yang perlu ada bagi setiap pelabur sebelum membuat keputusan untuk melabur dalam SUA?

- A. Keyakinan
- B. Risiko
- C. Kebijaksanaan
- D. Profesionalisme

Jawapan B

Semua pelanggan sepakutnya maklum tentang melabur dalam SUA ada risikonya.

36. Apakah yang anda faham mengenai pecahan unit?

- A. Ia memberi kesan kepada NAB bagi SUA tersebut
- B. Ia memberi kesan kepada nilai pelaburan pemegang unit
- C. Ia tidak memberi kesan kepada NAB bagi SUA tersebut ataupun nilai pelaburan pemegang unit
- D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan C

Pecahan unit ialah suatu bentuk pembahagian satu unit kepada dua atau lebih unit. Pecahan unit tidak akan memberi kesan kepada NAB SUA ataupun nilai pelaburan pemegang-pemegang unit. Objektif pecahan unit ialah untuk menarik pelabur-pelabur baru dengan menawarkan harga unit yang lebih rendah.

37. Pelabur A & Pelabur B mula melabur pada modal RM64, 000.00 dengan kadar pulangan pelaburan 8.5% setahun untuk pelabur A. Beberapa tahun kemudian, kedua-dua mereka menerima RM128, 000.00 setiap seorang. Walau bagaimanapun Pelabur B menerima pulangan 1.27 tahun lebih awal. Bilakah Pelabur B menerima pulangannya?

- A. 8.47 tahun
- B. 7.20 tahun
- C. 6.41 tahun
- D. 5.94 tahun

Jawapan B

Pelabur A :

$$\frac{72}{\text{Kadar pulangan diberi}} = \frac{72}{8.5} = 8.47 \text{ tahun}$$

$$\text{Pelabur B} = 8.47 - 1.27 = 7.2 \text{ tahun}$$

38. En A menyatakan, "Oh! Dana XYZ sangat bagus. Saya patut melabur dalam dana ini untuk memperolehi pulangan yang tinggi dalam masa 3 tahun!" Sebaik sahaja mendengar pernyataan ini, apakah yang perlu dinasihatkan oleh PEUA kepada En A ?

- A. Yuran & bayaran dana tersebut
- B. Risiko yang mungkin terlibat
- C. Untuk memahami prospektus
- D. Semua di atas adalah betul

Jawapan D

PEUA perlu memastikan yang (1) pelabur memahami perkhidmatan yang disediakan oleh SPUA adalah bukan percuma, (2) pelabur perlu diberi penerangan tentang risiko apabila melabur dalam SUA dan (3) pelabur perlu membaca dan memahami prospektus suatu dana tertentu.

39. Seorang pembeli tidak pasti ada patut melabur dalam SUA. Ejen perlu:

- A. Menasihati pembeli untuk menghubungi ejen apabila telah membuat keputusan
- B. Membantu memahami prospektus bersama-sama dan memberi prospektus kepada pembeli untuk membuat keputusan
- C. Tidak menghiraukan pembeli kerana ini hanya akan membuang masa ejen tersebut
- D. Menunjukkan kepada pembeli beberapa risalah dan selepas itu mengambil balik risalah tersebut untuk digunakan pada temujanji yang akan datang dengan prospek yang lain

Jawapan B

PEUA perlu memberikan penerangan yang mendalam kepada prospek mereka tentang prospektus sebelum permohonan dibuat.

40. Seorang PEUA tidak patut menyatakan :

- A. Pelaburan dalam SUA tidak mempunyai risiko
- B. Sekiranya tidak mempunyai wang yang cukup untuk melabur, pelabur sepatutnya memohon pinjaman
- C. Pulangan adalah dijamin apabila melabur dalam SUA
- D. Semua di atas

Jawapan D

41. Sesuatu aduan boleh dirujuk kepada:

- A. PEUA
- B. SPUA
- C. PPUAM & SS
- D. Semua di atas

Jawapan D

42. Bagi SUA yang berteraskan syariah, di manakah lebihan tunai ataupun aset cair boleh disimpan / dilaburkan?

- A. Akaun pelaburan
- B. Akaun semasa
- C. Instrumen berteraskan syariah
- D. Tiada di atas

Jawapan C

Mana-mana lebihan tunai dan/atau aset cair hendaklah disimpan/dilabur dalam instrumen berteraskan syariah, contohnya akaun semasa berteraskan Islam atau akaun pelaburan berteraskan Islam.

43. Berikut merupakan senarai hak dan tanggungan pemegang unit.

Manakah antara berikut bukan sebahagian daripada senarai tersebut?

- A. Untuk mengadakan mesyuarat pemegang unit

B. Untuk menerima laporan tahunan dan interim SUA

C. Untuk menerima agihan daripada SUA

D. Untuk memilih jenis saham yang perlu dimasukkan dalam portfolio pelaburan mereka

Jawapan D

Salah satu kekurangan melabur dalam SUA ialah pelabur tidak mempunyai hak untuk menentukan bagaimana simpanan mereka dilaburkan.

44.

| NAB | Amaun Pelaburan |
|------|-----------------|
| 0.50 | RM1,500.00 |
| 0.60 | RM1500.00 |
| 0.70 | RM1,500.00 |

Kira kos purata unit bagi pelaburan di atas.

- A. RM0.59
- B. RM0.95
- C. RM0.78
- D. RM0.64

Jawapan A

$$\begin{aligned} \text{Jumlah pelaburan} &= \text{RM } 4500.00 \\ \text{Jumlah unit dilaburkan} &= (1500/0.50) + (1500/0.60) + (1500/0.70) \\ &= 3000 + 2500 + 2142.86 \\ &= 7642.86 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kos purata unit} &= \text{RM } 4500 / 7642.86 \\ &= \text{RM } 0.5887 \\ &= \text{RM } 0.59 \end{aligned}$$

45. Manakah TIDAK benar mengenai yuran pengurusan?

- A. Yuran pengurusan tahunan dikira berdasarkan NAB kasar bagi SUA
- B. Purata yuran pengurusan tahunan ialah 1.5%
- C. Yuran pengurusan tahunan adalah untuk menampung kos mengurus SUA
- D. Yuran tersebut tidak semestinya disertakan dalam prospektus

Jawapan D

Yuran Pengurusan Tahunan mestilah disenaraikan dalam prospektus.

46. Terdapat banyak kemungkinan risiko berkaitan dengan pelaburan dalam SUA. Berikut merupakan senarai beberapa jenis risiko. Manakah antara berikut tidak mempunyai penerangan yang betul?

- A. Risiko pasaran – nilai saham tidak berubah-ubah akibat daripada aktiviti-aktiviti syarikat individu dan pasaran umum atau keadaan ekonomi.
- B. Risiko mudah tunai – didefinisikan sebagai sekuriti mudah dijual pada atau hampir kepada nilai yang sama bergantung kepada pasaran
- C. Risiko inflasi – risiko terhadap inflasi yang tinggi akan memberi kesan kepada pulangan sebenar pelaburan
- D. Risiko ketakpatuhan – risiko yang hanya terjadi apabila sekuriti patuh syariah yang kemudiannya dianggap sebagai tak patuh syariah

Jawapan A

Pasaran saham akan berubah-ubah akibat daripada aktiviti-aktiviti syarikat individu dan pasaran umum atau keadaan ekonomi.

47. Pelabur X telah membuat keputusan untuk bertukar daripada pelaburan yang dikategorikan sebagai risiko tinggi kepada risiko rendah. Manakah antara berikut merupakan pilihan kepada pelabur X?

- A. Dana Bon ke Dana Ekuiti
- B. Dana Ekuiti ke Dana Bon
- C. Dana Pasaran Wang ke Dana Imbang
- D. Dana Bon ke Dana Imbang

Jawapan B

Dana ekuiti mempunyai risiko lebih tinggi daripada dana bon.

48. Dalam konteks SUA, apakah yang dimaksudkan dengan mudah tunai?

- A. Unit boleh dibeli dengan mudah
- B. Kos purata pelaburan diperlukan untuk mengurangkan purata harga
- C. Pelabur boleh menjual pelaburan mereka pada bila-bila masa
- D. Bayaran pendapatan kepada pemegang unit

Jawapan C

Pelaburan boleh dibeli dan dijual dengan mudah melalui SPUA, PIUA dan PKUA.

49. Salah satu daripada manfaat melabur dalam SUA adalah tabung diuruskan oleh pengurusan yang profesional. Mengapa ini berlaku?

- A. Mereka mempunyai pengalaman melabur lebih daripada RM500 juta
- B. Mereka mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang bertahun-tahun dalam industri unit amanah
- C. Mereka memastikan tabung diuruskan mengikut prinsip-prinsip mereka sendiri
- D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan B

Soalan 50 & 51 adalah berkaitan

Nilai Aset Bersih = RM250,000.00
Unit dalam edaran = 300,000.00
Pengagihan pendapatan = 3.5 sen
Pecahan unit = 1:5

50. Kira NAB seunit selepas agihan sebelum pecahan unit. (Guna 3 titik perpuluhan untuk pengiraan)

- A. RM0.73
- B. RM0.80
- C. RM0.70
- D. RM0.76

Jawapan B

NAB/unit sebelum agihan = $RM250,000.00 / 300,000.00 = RM 0.833$
NAB/unit selepas agihan = $RM 0.833 - RM 0.035 = RM 0.798 = RM 0.80$

51. Kira NAB seunit selepas agihan selepas pecahan unit.(Guna 3 titik perpuluhan untuk pengiraan)

- A. RM0.63
- B. RM0.60
- C. RM0.67
- D. RM0.69

Jawapan C

$$\begin{aligned} \text{NAB/unit selepas pecahan unit} &= \text{RM } 0.80 \times 5/6 \\ &= \text{RM } 0.67 \end{aligned}$$

52. Diberikan NAB seunit pada awal hari urusniaga adalah RM0.65, dan NAB seunit pada akhir hari urusniaga adalah RM0.66. Pelabur Z membuat keputusan untuk menjual 10,000 unit. Berdasarkan Harga Hadapan, berapakah kos yang terlibat?

A. RM6,500.00 B. RM6,000.00 C. RM6,600.00 D. RM10,000.00

Jawapan C

$$\begin{aligned} \text{Bilangan unit} \times \text{NAB / unit pada akhir hari urusniaga} \\ = 10,000.00 \times \text{RM } 0.66 \\ = \text{RM } 6,600.00 \end{aligned}$$

53. Manakah yang TIDAK benar mengenai peranan PPUAM?

- A. Untuk mengawal selia sendiri industri unit amanah
- B. Dilantik oleh SS untuk mengendalikan peperiksaan unit amanah bagi sesiapa yang ingin menjadi PEUA
- C. Untuk menasihati Kementerian Kewangan
- D. Untuk bekerjasama dengan SS dalam pembangunan dan pertumbuhan industri unit amanah

Jawapan C

Menasihati Kementerian Kewangan ialah tugas SS.

54. Manakah TIDAK benar mengenai PEUA?

- A. PEUA perlu memperkenalkan diri mereka sebagai ejen unit amanah
- B. PEUA membuat analisis keperluan pelanggan mereka
- C. PEUA memerlukan lesen PP dan lesen PEUA
- D. PEUA mengesyorkan produk unit amanah

Jawapan C

PEUA tidak memerlukan lesen PP

55.

| X | Y |
|------------------|------------------|
| 70% Ekuiti | 20% Ekuiti |
| 30% Pasaran Wang | 80% Pasaran Wang |

Manakah antara berikut adalah BENAR?

- A. Sekiranya pasaran jatuh, Y akan lebih terjejas berbanding X
- B. Sekiranya pasaran jatuh, X akan lebih terjejas berbanding Y
- C. Sekiranya pasaran meningkat, kedua-dua X dan Y akan terjejas
- D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan B

Portfolio X mempunyai risiko lebih tinggi daripada Y

56. Bagaimanakah kita mengira harga penebusan?

- A. NAB + Faktor Kos Urus Niaga
- B. NAB - Faktor Kos Urus Niaga
- C. NAB + Yuran Keluar
- D. NAB - Yuran Keluar

Jawapan D

57. Apakah yang terkandung dalam daftar pemegang unit amanah?

- A. Kategori dana yang dilabur oleh setiap pelabur
- B. Jumlah pelaburan yang ada bagi setiap pelabur dalam setiap kategori dana
- C. Data peribadi yang berkaitan bagi setiap pelabur
- D. Tiada jawapan yang betul

Jawapan C

Daftar pemegang unit amanah mengandungi sangat banyak data peribadi setiap pelabur. Pelanggan boleh mengemaskinikan butiran mereka dari semasa ke semasa seperti penukaran alamat, nombor kad pengenalan baru dan penukaran nama.

58. Manakah antara pihak berikut telah ditubuhkan untuk menyiasat apa-apa aduan daripada pelanggan?

- A. Jawatankuasa Rayuan
- B. Jawatankuasa Siasatan
- C. Jawatankuasa Tatatertib
- D. Jawatankuasa Pelaburan



Jawapan B

Jawatankuasa ini telah ditubuhkan untuk menyiasat aduan-aduan dan mengambil kira tindakan disiplin yang akan dikenakan ke atas PEUA yang melanggar kod etika PPUAM.

59. Diberi kadar inflasi adalah 5%, berapakah kos yuran pendidikan sebanyak RM80,000.00 dalam masa 10 tahun? (Guna 4 titik perpuluhan untuk pengiraan)

- A. RM146,601.00
- B. RM130,000.00
- C. RM130,312.00
- D. RM114,023.00

Jawapan C

$$\begin{aligned}\text{Faktor terkompaun} &= (1 + i)^n \\ &= (1 + 5\%)^{10} \\ &= (1 + 0.05)^{10} \\ &= 1.6289\end{aligned}$$

$$\begin{aligned}\text{Kos yuran pembelajaran selepas 10 tahun} &= 1.6289 \times \text{RM } 80,000.00 \\ &= \text{RM } 130,312.00\end{aligned}$$



60. Kewangan Islam di Malaysia mula berkembang dengan penubuhan:

- A. Shell MDS Sdn Bhd
- B. Pasaran Modal Islam
- C. Bank Islam Malaysia Berhad
- D. Pelan Induk Pasaran Modal Malaysia



Jawapan C

Bank Islam Malaysia Berhad telah ditubuhkan pada tahun 1983



PUBLIC MUTUAL PUBLIC MUTUAL



PUBLIC MUTUAL PUBLIC MUTUAL